

## HUKUM-HAKAM DAN ISU-ISU DALAM IBADAH KORBAN

'Uqbah Bin Amer

Calon Sarjana Syariah dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Email: uqbahamer91@gmail.com

Nora'Inan Binti Bahari

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Email: norainan@kuis.edu.my

Dr Fakhri Bin Sungit

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Email: fakhri@kuis.edu.my

### Abstrak

*Ibadah korban merupakan satu ibadah yang sangat mulia di sisi Allah SWT yang dilaksanakan pada 10 Zulhijjah dan hari-hari tasyrik iaitu 11, 12, dan 13 Zulhijjah oleh mereka yang mampu. Bagaimana pun isu-isu baharu berkaitan dengan ibadah korban masih lagi signifikan untuk dikaji. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti hukum-hakam dalam melaksanakan ibadah korban dan isu-isu yang dikenalpasti melalui media sosial berdasarkan pandangan mazhab dan sarjana kontemporari. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan metod analisis kandungan (content analysis) terhadap buku-buku dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan hukum ibadah korban dan melakukan temubual dengan pakar. Hasil kajian mendapati isu-isu dalam ibadah korban masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat kerana kurangnya pengetahuan berkaitan dengan hukum tersebut. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mewujudkan kesahaman yang benar kepada masyarakat terhadap hukum-hakam dalam ibadah korban sebagai asas dalam menangani isu-isu berkaitan.*

**Kata kunci:** Ibadah korban, Hukum-hakam dan Isu-isu

### 1. Pengenalan

Pengertian korban pada bahasanya berasal dari perkatan Arab yang membawa maksud "pendekatan". Dalam Kamus Dewan (2007) korban bermaksud amalan menghampirkan diri kepada Allah SWT dengan menyembelih binatang ternakan (lembu, kambing, kerbau dan lain-lain) pada 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya (hari tasyrik) dengan mengagihkan sebahagian daripada daging itu kepada fakir miskin. Sedang dalam bahasa Arab ibadah korban itu lebih masyhur dengan perkatan `udhīyah yang membawa maksud pengorbanan.

Sebahagian ulama mengatakan asal perkatan itu ialah daripada "waktu dhuha" kerana bermulanya penyembelihan ialah pada waktu dhuha. Manakala Ibrahim al-Baijūrī (2010) berpendapat dengan pendapat yang lebih masyhur jika diqāmmahkan huruf hamzah pada perkataan `udhīyah maka ia membawa maksud binatang sembelihan dari kalangan *al-'an'am* yang disembelih pada Hari Raya Korban.

Dari sudut istilah pula, Syeikh *Mustāfā Dīb al-Būghā* (2009) dalam kitabnya *Fiqh al-Manhājī* menyebutkan bahawa korban ialah sembelihan binatang iaitu unta, lembu, kambing, dan biri-biri dengan tujuan untuk mendampingkan diri kepada Allah SWT dan dilakukan pada Hari Raya korban. Begitu juga bagi Syeikh *al-Khātīb al-Sharbīnī* (2012) dalam kitab *al-Iqna'* mengatakan bahawa "dinamakan ia dengan awal masa melakukannya iaitu "ضحي" dengan *Dammah* hamzahnya dan kasrahnya dan tasydid ya`anya dan *takhfifnya* adalah haiwan *na'am* ang disembelih kerana mendekatkan diri kepada Allah SWT bermula dari hari raya hingga

akhir hari tasyrik. Korban pula terbahagi pada dua iaitu qurban sunat dan qurban wajib iaitu qurban yang dinazarkan.

## 2. Dalil Pensyariatan

Dalil pensyariatan ibadah korban adalah berdasarkan kepada al-Quran merujuk kepada surah *al-Kauthar* (108) 2 :

لِرَبِّكَ فَصَلَّى  
وَاحْمَدَ ﴿٢﴾

yang bermaksud ; oleh itu kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai syukur).

dan Surah Al-Hajj (22) 36 :

وَالْبَدْنَ حَعْلَنَا لَكُمْ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا حَيْرٌ ۖ فَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٌ ۖ إِذَا وَجَبَتْ  
جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَ ۗ كَذَلِكَ سَخْرَنَا لَكُمْ لَعْلَكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾

yang bermaksud : “dan telah kami jadikan unta-unta itu (sebagai salah satu syi`ar) daripada syi`ar Allah. kamu peroleh kebikan yang banyak daripadanya, maka sebutlah olehmuhu nama Allah ketika kamu menyembelihnya dalam keadaan berdiri(dan telah terikat), kemudian apabila telah roboh (mati), maka makanlah padanya dan beri makanlah pada orang yang rela dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta) dan orang yang meninta, demikianlah kami telah menundukakn unta-unta itu kepada kamu, mudah-mudahan kamu bersyukur”.

Manakala dalil pensyariatan berdasarkan Sunnah antaranya ialah daripada Aisyah r.a. katanya , sabda Rasulullah S.A.W :

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَا عَمِلَ آدَمُيٌّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقْعُ مِنَ اللَّهِ إِمْكَانٌ قَبْلَ أَنْ يَقْعُ مِنَ الْأَرْضِ فَطَبِيعًا بِهَا نَفْسًا " . قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ عِمَرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ وَزَيْدَ بْنِ أَرْقَمَ . قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ عَرِيبٌ لَا تَعْرِفُهُ مِنْ حَدِيثِ هِشَامٍ بْنِ عُرْوَةَ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ . وَأَبُو الْمُنْتَى اسْمُهُ سُلَيْمَانُ بْنُ زَيْدٍ . رَوَى عَنْهُ أَبْنُ أَيِّي فُدَيْلَيْكَ . - قَالَ أَبُو عِيسَى وَبُرْوَى عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ " إِنِّي أَضْحِيَ لِصَاحِبِهَا بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةً " . وَبُرْوَى بِقُرُونِهَا " .

Bermaksud: “Tidak ada satu amalan anak Adam di hari-hari Nahar (Hari-hari ‘Eidul Adha) yang paling Allah sukai selain menumpahkan darah (sembelih binantang korban), kerana ia (binatang Korban) itu akan datang di hari kiamat nanti dengan tanduk dan kukunya dan bulu-bulunya (sebagai saksi ke atas ibadah Korban tuannya), dan sesungguhnya darah (binatang korban itu) akan tumpah di sisi Allah di suatu tempat sebelum tumpah ke bumi, oleh itu pilihlah olehmuhu binatang terbaik (paling menarik)

untuk dikorbankan.” ( Hadith riwayat at-*Tirmīzī* dan dianggap sebagai Hadis *Hāsān Ghārīb*).

### 3. Hukum

Menurut pandangan jumhur ulama, hukum melaksanakan ibadah qurban adalah sunat muakkad bagi individu yang berkemampuan. *Ibrāhīm al-Baijūrī* (2010). Pandangan ulama Mazhab Shafī'i adalah sunat ‘ain bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup (*ibid*). Menurut pandangan yang masyhur di kalangan ulama Mazhab Maliki adalah makruh meninggalkannya bagi mereka yang mampu. Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan qurban nazar maka hukum melaksanakannya adalah wajib. Antara ulama yang berpendapat bahawa ibadah ini wajib ialah Imam Abu Hanifah dan beberapa pengikutnya. Beliau berpendapat bahawa ibadah korban ini wajib sekali setiap tahun keatas orang yang bermukim (tetap). Pendapat mereka bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ وَمَمْكُنٌ فَلَا يَفْرَغُ مُصَلَّاتِنَا .

Bermaksud: “Barangsiapa yang diberikan kemudahan, sehingga memampukan dia untuk berkorban, akan tetapi dia tidak mahu berkorban, maka janganlah dia mendekati tempat solat kami (masjid)” (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Namun, Abu Yusuf dan Muhammad dari Mazhab Hanafi mengatakan ibadah korban tidak wajib tetapi sunat muakkad (Wahbah *al-Zūhailī*, 1989).

Dalam hadis yang lain Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Tiga perkara ianya fardhu ke atasku, dan sunat ke atasmu: solat witir, menyembelih korban dan solat dhuha”. (Hadis riwayat Ahmad dan al-Hakim). Berdasarkan hadis di atas, ibadah atau amalan korban adalah wajib ke atas diri Rasulullah SAW, akan tetapi hanya dianggap sunnah ke atas umatnya. Menurut pandangan Imam Syafie dan Malik, hukum melakukan ibadah korban ini adalah sunat muakkadah iaitu ibadah sunat yang amat digalakkan atau dituntut ke atas setiap individu Muslim yang merdeka, berakal, baligh serta berkemampuan melakukannya sama ada sedang mengerjakan haji ataupun tidak sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Pendapat mereka dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Aku telah diperintahkan supaya berkorban dan ianya adalah sunat bagimu”. (Hadis Riwayat Imam al-Tirmizi). (Wahbah *al-Zūhailī*, 1989).

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa ulama mazhab berpendapat ibadah korban dikira sama ada sunat muakkad atau wajib. Namun begitu, jumhur ulama berpendapat bahawa ibadah korban adalah amalan yang sunat mu'akkad sahaja. Seseorang itu tidak akan dianggap berdosa besar sekalipun tidak pernah melakukan ibadah korban seumur hidupnya. (Prof Madya Dr. Azman bin Mohd Noor, 2012).

### 4. Kapasiti Orang Yang Berkorban

Terdapat beberapa syarat dan ciri bagi seseorang muslim untuk menjalani ibadah korban.

- 1) Islam iaitu tidak dituntut berqurban bagi orang bukan Islam.
- 2) Baligh dan berakal. Orang yang belum baligh dan tidak berakal tidak disunatkan berkorban kerana bukan mukallaf.

- 3) Bermukim iaitu menetap di sesuatu kawasan.
- 4) Berkemampuan. Seseorang yang mempunyai harta atau wang melebihi perbelanjaan untuk dirinya sendiri dan mereka yang berada dibawah tanggungannya sama ada makanan, pakaian, dan tempat tinggal pada sepanjang hari raya dan hari-hari tasyrik. (*Mustafa al-Bugha*, 2009).

## 5. Binatang Yang Disyari`Atkan Untuk Berkorban Dan Syarat-Syarat

Mengikut susunan daripada yang paling afdhal dan ke bawah ialah unta, lembu, kambing, dan biri-biri. ini Berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Hajj (22) 34 :

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَنْذُكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَحِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَإِنَّكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا ﴿٣٤﴾  
وَبَشِّرِ الْمُخْتَيَّنَ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: “Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaaNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu.Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat”.

Binatang yang hendak dijadikan korban hendaklah daripada binatang yang tiada aib atau cacat seperti pincang, sangat kurus, sakit, terpotong telinganya, dan terpotong ekornya. Usia binatang sembelihan korban adalah berbeza mengikut jenis binatang. Unta disyaratkan telah berumur 6 tahun. Manakala kambing dan lembu disyaratkan telah berusia 2 tahun dan masuk ke umur 3 tahun. Kibash pula disyaratkan telah memasuki umur 2 tahun. Dikecualikan kepada anak kibash atau *al-da'n* yang dipanggil *al-jaz'* umur yang lebih muda iaitu 6 bulan. Namun, pendapat yang sahih dalam Mazhab Shafie ialah berumur setahun. (*Wahbah al-Zuhayli*, 1989).

## 6. Waktu

Masuk waktu sembelihan korban sunat dan nazar ialah apabila terbitnya matahari siang pada hari *Nahar* (hari jatuhnya hari raya korban) dan setelah selesai dua rakaat solat sunat serta dua khutbah ringkas. Berakhir pada hari ketiga pada hari-hari tasyrik sekurang-kurangnya sempat kira-kira kalau dia memotong halkum dan *mari'* sebelum sempurna terbenam matahari hari tersebut.( *al-Khatib al-Sharbini*, 1995)

## 7. Perkara Sunat

Antara perkara sunat ketika berkurban adalah seperti yang berikut:

- 1) Menambat ternakan korban menjelang Hari *Nahr*.
- 2) Memberi makanan kepada haiwan korban sebelum disembelih.
- 3) Memastikan haiwan tersebut tidak makan makanan yang syubhah seperti makan rumput di kawasan yang bukan milik tuan haiwan korban.
- 4) Meletakkan tanda serta menutup tubuh haiwan qurban supaya dapat merasakan kepentingan korban.
- 5) Melakukan penyembelihan qurban dengan sendiri.
- 6) Membaca Basmalah (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ).
- 7) Berselawat ke atas Nabi SAW.

- 8) Penyembelih dan haiwan mengadap ke arah qiblat.
- 9) Memilih haiwan ternakan yang paling baik.
- 10) Menunggu haiwan yang disembelih itu sehingga sejuk dan semua anggotanya tidak bergerak lagi atau benar-benar mati dan baharulah dilapah.
- 11) Orang yang melakukan korban disunatkan tidak bercukur dan tidak memotong kukunya setelah tiba bulan Zulhijjah sehingga dia selesai berkorban.

## 8. Perkara Makruh

Antara perkara yang makruh ketika berkorban adalah seperti yang berikut:

- 1) Melakukan korban ke atas haiwan yang carik telinganya atau terpotong sedikit di belakang telinganya.
- 2) Memotong bulu haiwan yang hendak diqurbankan bagi tujuan kegunaan sendiri jika boleh memudaratkannya.
- 3) Melakukan korban ke atas haiwan yang pecah atau patah tanduknya atau tiada bertanduk.
- 4) Memerah susu haiwan yang hendak dijadikan korban dan meminumnya kecuali disedekahkan susu tersebut.
- 5) Memotong kuku dan bercukur bagi orang yang berniat korban.
- 6) Melakukan sembelihan korban pada waktu malam.

## 9. Ibadah Korban Pada Sudut Pandang *Maqasid Syari`ah*

Secara ringkasnya, *māqāsid syārīah* ialah matlamat yang ditentukan oleh syarak untuk dilaksanakan bagi memberi kebaikan pada hambanya (*al-Raysuni*, 1995). Setiap pensyariatan sesuatu hukum itu pasti di sebaliknya ada tujuan dan hikmah yang Allah S.W.T. telah tetapkan bagi hambanya. Oleh itu, semestinya ibadah korban yang telah disyariatkan oleh Allah SWT secara *qat'i* didalam al-Quran dan al-Sunnah menyimpan seribu satu rahsia, hikmah dan tauladan yang dapat kita ambil dari pensyariatan ibadah tersebut. Jika ditelusuri secara halus mengikut pembahagian dalam ilmu *māqāsid syārīah* ini, maka ibadah korban menyumbangkan peranannya dalam menjaga kelima-lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta.

### 9.1 Konteks Menjaga Agama (*Hifz al-Dīn*)

Dalam konteks menjaga Agama. Ibadah korban memberi sumbangan besar dalam mensyiaran agama Islam di atas muka bumi ini. *al-Šābūnī* (2000) mengupas dalam kitabnya bahawa Allah SWT menjadikan korban sebagai salah satu syiar agamaNya, iaitu seorang muslim menyembelih dengan tujuan *Taqarrub ila Allāh* dengan penyembelihan binatang korban itu dan memperolehi keampunan dan keredaanNya. Selain itu juga, hikmah yang paling jelas dan tinggi nilainya tentang korban adalah untuk menghayati semangat pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s iaitu ketika Allah menguji baginda supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. Kemudian Allah SWT menebusnya dengan seekor kibash yang diturunkanNya dan memerintah Nabi Ibrahim a.s. agar menyembelihnya. Peristiwa ini berlaku setelah Nabi Ibrahim a.s. dan anaknyaa berusaha bersama-sama melaksanakan perintah Allah S.W.T. (*Mustafā Dīb al-Bughā*, 2009).

### 9.2 Konteks Pemeliharaan Diri (*Hifz al-Nafs*)

Kesinambungan dari penjagaan agama, ialah penjagaan diri. Amalan korban juga bisa menghasilkan ukhuwah dan hubungan baik yang jitu dalam kalangan umat Islam bahkan

seluruh manusia. Secara tidak langsung, ini dapat mengelakkan dari berlakunya perang dalam kalangan manusia yang biasanya akan mengorbankan nyawa. Biarpun bersaudara, namun jika tiada hubungan yang baik antara manusia perang tidak mustahil untuk terjadi. Justeru amalan korban sangat sesuai dan relevan sebagai medium menjaga keamanan sesebuah negara, masyarakat, keluarga dan agama.

### 9.3 Konteks Pemeliharaan Akal (*Hifz al-'Aql*)

Dalam penjagaan akal atau fikiran, amalan korban dapat menyumbang kepada kesihatan badan dan melalui kesihatan badan dapat menjamin kesihatan akal sebagaimana disebutkan dalam pepatah Arab :

العقل السليم في الجسم السليم

Bermaksud: “Akal yang sihat terletak didalam badan yang sihat”.

Melalui akal yang sihat dapat melahirkan umat Islam yang cerdas dan berdaya saing serta menjadikan agama kita lebih maju disamping dapat menjalankan tugas yang produktif dan proaktif dalam menegakkan syiar Islam dimata dunia.

### 9.4 Konteks Pemeliharaan Maruah (*Hifz al-'Ird*)

Amalan korban ini, selain menjalankan tugas sebagai hamba kepada Allah SWT ia juga memberi kesan dalam menjaga maruah seseorang. Dengan berkorban, seseorang itu akan dipandang mulia oleh semua lapisan masyarakat dan mereka akan dihormati dan disegani atas amalan mulianya itu. Amalan ini juga menangkis pandangan-pandangan serong dan pesong yang mengatakan bahawa Islam itu agama yang miskin. Sedangkan Islam tidak pernah sama sekali mengajak umatnya menjadi miskin atau supaya meninggalkan amalan dunia demi semata-mata mencari pahala akhirat.

Bahkan dalam al-Quran Allah SWT berfirman dalam surah al-Qasas (28): 77

وَابْتَغِ فِيمَا ءاتَيْكَ اللَّهُ الدَّارَ الْأَخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا  
ثَبِغْ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

Dan ada Hadis nabi yang juga menganjurkan untuk berlaku seimbang antara kehidupan dunia dan akhirat iaitu:

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ نَفَرًا، مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَعْضُهُمْ لَا أَتَرْوَجُ النِّسَاءَ . وَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا  
أَكُلُ اللَّحْمَ . وَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا أَنَامُ عَلَى فِرَاشٍ . وَقَالَ بَعْضُهُمْ أَصُومُ فَلَا أُفْطِرُ . فَبَلَّغَ ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى

الله عليه وسلم فَحَمَدَ اللَّهَ وَأَنْتَ عَلَيْهِ تُمَّ قَالَ " مَا بَأْلَ أَفْوَامٍ يَقُولُونَ كَذَّا وَكَذَّا لَكَيْ أَصَّلَّى وَأَنَّامٌ وَأَصُومُ وَأَفْطَرُ وَأَنْزَوْجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغَبَ عَنْ سُنْنَتِي فَلَيْسَ مِنِّي "

Bermaksud: “Dari Anas r.a. bahawa Seorang dari sahabat Nabi itu berkata: “Adapun saya ini, maka saya bersembahyang semalam suntuk selama-lamanya.” Seorang lainnya berkata: “Adapun saya, maka saya berpuasa sepanjang tahun dan tidak pernah saya berbuka.” Seorang lagi berkata: “Adapun saya, maka saya menjauhi para wanita, maka sayapun tidak akan kawin selama-lamanya. Rasulullah s.a.w. kemudian mendatangi mereka lalu bersabda: “Engkau semuakah yang mengatakan demikian, demikian? Wahai, demi Allah, sesungguhnya saya ini adalah orang yang tertakwa di antara engkau semua kepada Allah dan tertakut kepadaNya, tetapi saya juga berpuasa dan juga berbuka, saya pun bersembahyang tetapi juga tidur, juga saya suka kahwin dengan para wanita. Maka barangsiapa yang enggan pada cara perjalananku, maka ia bukanlah termasuk dalam golonganku.” (*Muttafāqun `Alayh*). ”

### 9.5 Konteks Penjagaan Harta (*Hifz al-Māl*)

Seterusnya, dari sudut pandang konteks pemeliharaan harta, ibadat korban sememangnya dapat menolong orang fakir dan mereka yang berhajat serta mengembirakan mereka, anak isteri, dan keluarga pada hari raya (Abu Anas Madani, 2012). Bagi orang biasa yang sederhana dan kaya, daging ialah suatu yang bersifat *hājīyāt* yang apabila mereka berkeinginan untuk memakannya maka dengan mudah mereka boleh mendapatkannya sedang bagi mereka yang asnaf, fakir, dan juga miskin, makanan daging itu ialah sesuatu yang *tahsīnīyāt* atau lebih mudah difahami dengan perkataan mewah. Justeru, melalui ibadah korban kita dapat menjaga dan memelihara harta umat Islam dengan meringankan beban mereka dengan cara memberi mereka sejumlah daging korban untuk mereka makan dan menjadi bekalan mereka buat beberapa waktu. Secara tidak langsung, ini dapat menanam perasaan kasih sayang antara si kaya dengan si miskin. Seterusnya dapat mengeratkan hubungan persaudaraan antara anggota masyarakat Islam dan semangat berjemaah. Firman Allah S.W.T. :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى ۝ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىِ الْإِثْمِ وَالْعُدُونِ ۝ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۝ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Bermaksud: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pensyariatan ibadah korban menyimpan seribu satu rahsia dan hikmah baik pada aspek dunia ini apatah lagi ukhrawi. Ramai ulama` yang telah mensyarahkan dan mengungkap melalui kitab-kitab mereka betapa berharganya amalan ini di sisi Allah S.W.T. dan betapa pentingnya ia pada pembangunan umat Islam dan masyarakat sejagat.

## 10. Isu – Isu

### **10.1 Korban Di Luar Kawasan**

Hukum asal, yang terbaik adalah sembelih dengan tangan sendiri di dalam penempatan bagi manfaat orang sekeliling. Semua fuqaha' mazhab, kecuali Mazhab Syafi'ie sepakat mengharuskan korban dipindahkan ke tempat lain sekiranya penduduk di tempat itu lebih memerlukan daging korban tersebut berbanding penduduk tempat asal korban itu. Bagaimanapun Mazhab Maliki berpendapat sebahagian kecil daging itu mestilah diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya di tempat asal korban itu. Hanya fuqaha' Mazhab Syafi'ie sahaja yang mengharamkan secara mutlak pemindahan korban dari tempat asalnya. (*Wahbah al-Zūhaylī*, 1989).

Untuk membuat pertimbangan dalam memilih salah satu daripada dua pendapat di atas, *māqāsid syārīah* (tujuan di sebalik hukum syarak) hendaklah diambil kira dan diberi keutamaan yang mana di sebalik semua hukumnya adalah menjamin maslahah manusia. Maslahat manusia dapat dijamin dengan dua cara: pertama dengan menolak bencana dan kedua dengan menjana maslahat. Menurut kaedah syarak, menolak bencana didahului dengan menjana maslahat (*Nur al-Din ibn Muhktar*, 2001).

Dalam konteks pemindahan korban yang mungkin menjadi isu sekarang ialah memindahkan korban dari satu negara ke negara lain. Di Malaysia telah ada institusi yang memberikan khidmat membantu rakyat Islam Malaysia yang ingin melaksanakan ibadat korban di negara lain, seperti di Kemboja dan di negara-negara minoriti Islam yang lain. Apakah amalan ini lulus dari sudut pandangan syarak atau tidak. Mazhab Syafie tidak mengharuskannya. Manakala mazhab yang lain mengharuskannya dengan syarat penduduk di tempat itu lebih memerlukan daging korban tersebut.

Ditinjau dari sudut maslahat dan keperluan manusia yang menjadi tujuan kepada syariat Islam, pendapat ulamak selain Mazhab Syafi'ie yang membolehkan korban dipindahkan ke tempat lain adalah lebih baik diterimapakai, kerana memindahkan korban ke Kemboja umpamanya, dapat memberi lebih banyak manfaat kepada penduduk Islam di sana yang jauh lebih memerlukan daging korban itu berbanding penduduk Islam di Malaysia. Memang tidak dinafikan mungkin di Malaysia juga terdapat orang Islam yang sama miskin dengan penduduk Islam Kemboja, namun secara rawak keadaan penduduk Islam di Malaysia jauh lebih baik daripada penduduk Islam di Kamboja secara amnya. Dengan penilaian ini sebenarnya tidak ada sesuatu yang meragukan dari sudut hukum syarak memindahkan korban dari tempat asalnya ke tempat lain dengan berpegang kepada pendapat majoriti ulamak mazhab, kecuali Mazhab Syafi'ie. Sekali lagi dinyatakan bahawa tiada cacat atau celanya menerima pendapat mana-mana mazhab atas dasar maslahat atau kekuatan hujjah. (Alias Othman, 2009)

### **10.2 Korban Oleh Organisasi & Syarikat**

Isunya ialah bolehkah sebuah syarikat mengeluarkan bajet tertentu untuk membeli beberapa lembu dan berkorban atas nama syarikat? Ibadah korban adalah ibadah yang dilakukan oleh individu tertentu atau untuk individu tertentu dan bukan untuk organisasi yang bukan manusia. Justeru, jika sebuah organisasi ingin melaksanakannya, ia mesti menghadiahkannya kepada mana-mana Pengarah atau kakitangannya. Ketika itu korban barulah sah dan menjadi korban oleh individu yang ditentukan namanya sahaja dan bukan atas nama syarikat. Pihak syarikat terbabit boleh bergilir-gilir menghadiahkan lembu tertentu dan bahagiannya dihadiahkan kepada kakitangan secara khusus untuk dilaksanakan sembelihan atau korban,

pahala korban akan hanya diperolehi oleh individu dan pihak organisasi pula (iaitu pemilik organisasi iaitu manusia) hanya mendapat pahala kerana ‘menghadiahkan’ lembu atau bahagiannya kepada kakitangan sahaja.

Jika pihak syarikat tidak mahu berbuat demikian, bermakna ia mestilah meletakkan secara terperinci bilangan lembu itu, untuk para lembaga pengarahnya secara khusus yang semestinya bukan atas nama syarikat tetapi individu. ( Zaharudin, 2016)

Begitu juga diterangkan oleh Ustaz Ramli Sidom (2016) bahawa harus meletakkan pada binatang tersebut nama-nama yang mewakili sesuatu syarikat tersebut. Walaupun hanya sekadar wakil namun pahalanya inshaAllah dapat dikongsi keseluruhan ahli yang terlibat.

### **10.3 Mematahkan Tulang Dan Tanduk Binatang Qurban**

Majoriti ulama mengharuskannya manakala tegahan untuk mematahkan tulang hanya di dalam hal aqiqah dengan doa ia menjadi kebaikan kepada si bayi berdasarkan hadith riwayat al-Bayhaqi :

السنة شاتان مكافتان عن الغلام وعن الجارية شاة، تطبع جدواً، لا يكسر لها عظم

Bermaksud: “Sunnah adalah dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor bagi perempuan, dimasak dan tiada dipecahkan tulangnya. (Al-Nawawi menilai hadis sebagai Gharib)”. (al-Nawāwī, 2000)

Namun tiada sebarang nas atau dalil yang menegah dalam bab sembelihan korban. (Zaharuddin, 2016)

### **10.4 Penjualan Daging Korban**

Penulisan-penulisan ulama mazhab menjelaskan yang tidak berhak menjual daging korban, kulit, bulu dan lemaknya ialah pemilik korban itu sendiri. Muhammad Arshad bin Abdullah (2005) berpendapat orang yang melakukan korban tidak harus menjual sedikit pun dari binatang korbannya. Perkara yang sama disebut oleh Dr. Wahbah *al-Zūhaylī* (1989) bahawa orang kaya hanya layak memanfaatkannya dengan memakannya, mereka tidak berhak memiliki. Oleh itu mereka tidak berhak menjualnya. Golongan fakir miskin berhak menjualnya kerana mereka berhak memiliki.

Oleh itu projek menjual daging korban bagi pihak fakir miskin dan melaburkannya adalah sesuatu yang tidak bertentangan dengan mana-mana pendapat ulamak mazhab. Ia boleh dilaksanakan. (Alias Othman, 2009)

### **10.5 Pengagihan Daging Korban**

#### **10.5.1 Sesama umat Islam**

Sebaiknya, pengagihan daging korban diberikan kepada orang-orang yang fakir dan miskin. Ini berdasarkan ayat 28 dan 36 surah al-Hajj (22), bahawa semua mazhab fiqh berpendapat daging korban hendaklah diberi makan kepada fakir miskin setelah dimasak atau diagihkan mentah-mentah. Firman Allah SWT :

لَيَشْهَدُوا مَنْفَعَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ جَهَنَّمَ الْأَنْعَمْ ۖ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا<sup>٢٨</sup>  
البائسَ الْفَقِيرَ ﴿٣٦﴾

Bermaksud: “Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaaNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin”.

وَالْبَدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعْبَرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۖ فَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَ ۖ إِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعَتَّرَ ۗ كَذَلِكَ سَخَّرْنَا لَكُمْ لَعْلَكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾

Bermaksud: “Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Mekah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan ia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur”.

Mazhab Hanafi menggalakkan daging korban dibahagikan kepada tiga bahagian; sebahagian untuk tuan punya korban, sebahagian lagi dihadiahkan kepada keluarga dan orang kaya dan bahagian yang ketiga disedekahkan kepada fakir miskin. Mazhab Maliki hanya menyebut dibahagi tiga dengan tidak menentukan kadar setiap bahagian. Isu yang sering diperbahaskan ialah apabila galakan untuk menyedekahkan semua bahagian daging itu kepada fakir dan miskin menyebabkan ahli keluarga dan orang-orang berada yang dekat rasa terabai. Pun begitu, jika dilihat pada keutamaan mungkin timbul isu pengagihan daging korban sebagai satu pemangkin kepada silaturahim dalam masyarakat, namun jika dibandingkan kepentingan mengangkat taraf kehidupan golongan fakir miskin dengan kepentingan mempererat silaturrahim melalui ibadat korban ternyata kepentingan mengangkat taraf hidup golongan miskin lebih utama (*Wahbah al-Zuhaylī*, 1989). Masih banyak usaha lain yang murni dan sesuai untuk dilakukan selain amalan korban dengan tujuan pengukuhan silaturrahim dalam hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan.

#### 10.5.2 Kepada orang kafir

Fuqaha berbeza pendapat dalam hal ini, Mazhab Syafie berpendapat haram memberi makan daging korban sunat atau wajib kepada orang bukan Islam. *al-Nāwāwī* (2000) menyebut bahawa orang kafir tidak boleh memakan daging korban (لَا يَحُوزُ لِكَافِرٍ أَكْلٌ مِنْهَا مُطْلَقاً). Imam Ibn *Hajār al-Haytami* (2001) turut mengesahkan hal yang sama: أَيُّ مِنْ عَدَمِ جَوَازِ أَكْلِ الْكَافِرِ مِنْهَا مُطْلَقاً. Pendapat yang sama boleh ditemui dalam kitab-kitab fekah Mazhab al-Shafie yang lain iaitu "tidak dibolehkan memberi makan daging korban atau aqiqah kepada orang bukan Islam secara mutlak".

Ulama Shafi'iyah mengqiyaskan ibadah korban atau aqiqah sepetimana amalan zakat di mana hanya orang Islam yang berhak menerima zakat. Kedua, matlamat pemberian daging korban atau aqiqah itu ialah "*irfāq al-muslimīn*" iaitu mengeratkan kasih sayang sesama Islam. Inilah pandangan sebahagian ulama dalam Mazhab al-Shafie. Mazhab Maliki berpendapat makruh memberi makan daging korban sunat kepada orang bukan Islam dan tidak harus (haram) memberi mereka makan daging korban wajib, seperti korban yang dinazarkan, sama seperti hukum zakat. Mazhab Hanbali berpendapat harus menghadiahkan daging korban sunat kepada orang bukan Islam dan haram menghadiahkan kepada mereka daging korban wajib. Semua ulama mazhab sepakat (*ijmak*) memberi atau memberi makan daging korban atau akikah wajib kepada orang bukan Islam adalah haram.

Secara kesimpulannya, sebahagian mazhab menghukumkannya haram dan ada yang mengatakan makruh. Manakala Mazhab Hanbali dan Hanafi menghukumkannya sebagai harus kerana ia bukannya sedekah wajib. Namun tiada khilaf, mendahulukan umat Islam adalah lebih utama dalam hal ini (Zaharudin, 2009).

## **10.6 Korban Untuk Orang Yang Sudah Meninggal Dunia**

Muhammad Arshad Bin Abdullah (2005) berpendapat bahawa tidak harus bagi seseorang untuk melakukan korban buat orang yang telah meninggal dunia tanpa ada wasiat daripadanya kecuali dengan niat untuk bersedekah. Manakala jika ada wasiat, maka hukumnya harus.

Sebahagian fuqaha berpendapat tidak sah berbuat demikian, kecuali simati berwasiat. Ini adalah pendapat mazhab Shafie sebagaimana yang disebut oleh Imam Nawawi di dalam kitab *al-Minhaj*. Sheikh Taqiyuddin al-Husayni di dalam kitabnya *Kifayah al-Akhyar* menyatakan bahawa pendapat yang Asah (yang dipilih) dalam mazhab Shafie ialah tidak sah melakukan ibadat korban bagi simati kecuali simati berwasiat demikian.

Segolongan lagi iaitu pendapat kedua berpandangan sah dilakukan korban kepada simati secara berasingan daripada yang hidup sebagai *tabarru'* berdasarkan kaedah qiyas dengan perbuatan sedekah. Pendapat ini dinisbahkan kepada sebahagian daripada ulama mazhab Hanbali. Pendapat ketiga mengatakan Makruh. Ini adalah pendapat Imam Malik kerana tidak sabit amalan

Ini dari Rasulullah SAW (Dr. Syauqi, 2012).

## **10.7 Hukum Memakan Daging Korban**

Daging korban terbahagi kepada dua iaitu daging korban Wajib dan daging korban Sunat.

Hukum memakan daging korban Wajib (Nazar) bagi orang yang berkorporaan ialah haram. Wajib keatasnya menyedekahkan seluruh bahagian binatang korban wajib tersebut kepada orang lain. Jika telah dimakan daging itu, maka Wajib diganti kadar yang dimakan itu tetapi tidak wajib dia menyembelih semula yang lain (Khātib al-Sharbīnī, 1995).

Bagi daging korban sunat pula, adalah Sunat bagi orang yang empunya korban memakan sebahagian daripadanya sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Haj (22) 28 :

لِيَشْهَدُوا مَنْفَعَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَحِيمَةِ الْأَنْعَمِ ۝ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْفَقِيرَ  
البائس

Bermaksud : "...Maka makanlah daripadanya dan beri makanlah kepada orang-orang yang sangat fakir".

Wajib disedekahkan sebahagian daripada daging-daging korban sunat itu kepada golongan fakir dan miskin yang beragama Islam dalam keadaan mentah lagi basah (belum dimasak). Adalah lebih baik jika yang orang yang berkorban itu hanya mengambil sedikit daripada daging korban berkenaan manakala sebahagian besar daripadanya disedekahkan. Daging yang disedekahkan akan menjadi milik penerima sepenuhnya di mana dia boleh menjual, melelong atau menghadiahkan daging tersebut kepada orang lain dan sebagainya (Muhammad Naim Bin Haji Hashim, 2009)

#### **10.8 Melambat-Lambatkan Pembahagian Daging Korban**

Jika orang yang berkorban itu melambat-lambatkan pembahagian daging korban tersebut sehingga rosak, maka wajib keatas orang yang berkorban itu bersedekah dengan harga daging itu dan tidaklah wajib dia menggantikan yang baru kerana telah dikira memadai dengan sembelihan yang lama (Jabatan Mufti Kerajaan Brunei, 2013).

#### **10.9 Memberi Upah Kepada Pelapah Dan Pekerja**

Maka diharamkan memberi upah kepada pelapah mahupun perkerja. (Ibrahim al-Bayjūrī. 2010). Kulit atau binatang korban itu haram dijadikan upah kepada penyembelih, tetapi harus diberikan kepadanya sebagai sedekah jika miskin dan sebagai hadiah jika kaya. Boleh juga jika upah kepada tukang sembelih diberi menggunakan harta sendiri dan bukannya dari hasil daging binatang korban itu. Dalam sebuah Hadith, Nabi SAW bersabda:

عَنْ عَلَيِّ، قَالَ أَمْرِيَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَقُومَ عَلَىٰ بُدْنِهِ وَأَنْ أَتَصَدِّقَ بِلَحْمِهَا وَجُلُودِهَا وَأَجْلَاثِهَا وَأَنْ لَا أُعْطِيَ الْجُزَّارَ مِنْهَا قَالَ " تَحْنُّ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا " .

Bermaksud: "Saidina Ali r.a berkata, Nabi s.a.w pernah menyuruhku menyempurnakan seekor unta milik Baginda kemudian menyedekahkan daging, kulit dan apa yang menutupi belakang unta-unta itu (seperti pelana dan seumpamanya) serta aku juga tidak memberi apa pun kepada tukang sembelih tersebut. Dia berkata: Kami memberinya dengan harta kami sendiri. (riwayat Muslim di dalam Sahihnya no: 1317). ( Jabatan Mufti Kerajaan Brunei 2013).

#### **10.10 Qurban Dengan Bayar Sedeqah Duit Tanpa Wakil Sembelihan**

Tidak dibenarkan juga berkorban hanya dengan membayar harganya atau membeli daging lembu yang telah disembelih dari pasar lalu disedeqahkan atas niat korban. Tatkala itu, ia dianggap sedekah biasa sahaja dan bukannya korban yang disyariatkan di hari raya

Aidiladha. Pahala korban adalah jauh lebih hebat dari bersedekah harganya sahaja. Ia adalah fatwa oleh majoriti ahli ilmu seperti Imam Abu Hanifah, Malik, Syafie, Ahmad dan lain-lain (Zaharudin, 2016). Adalah diingatkan jua agar meniatkan korban itu adalah kerana Allah SWT semata-mata, menuruti sunnah Nabi SAW dan Nabi Ibrahim a.s dan bukannya untuk menyedekahkan daging atau lain-lain niat. Firman Allah dalam surah al-Hajj (22) 37 :

لَن يَنْأَى اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِن يَنْأَى الْتَّغْوِيَّ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَحَرَهَا لَكُمْ إِنْكَبَرُوا اللَّهُ عَلَىٰ مَا هَدَأْتُمْ  
وَبَشِّرُ الْمُحْسِنِينَ

Bermaksud: “Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keridaan) Allah, tetapi ketakwaan dari kamu yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik”.

## 11. Penutup

Setelah diteliti, isu-isu yang berlaku dalam kalangan umat Islam hari ini bukanlah isu-isu yang baru dan terkini. Namun, hanya sekadar isu-isu yang sudah diterangkan dan dijelaskan oleh para fuqaha mazhab masing-masing. Isu-isu ini bermain dalam kalangan umat Islam dan media-media sosial kerana kurangnya kefahaman dan pengetahuan tentang ibadah korban ini.

Melalui kajian ini juga, dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak pandangan dan khilaf dalam kalangan ulama terdahulu mahupun masa kini. Isu-isu yang timbul dalam permasalahan fiqh sentiasa berbeza mengikut peredaran zaman khususnya dalam ibadah korban. Teknologi yang semakin terkehadapan dan maju menjadikan para ulama dan fuqaha perlu berjihad untuk menyelesaikan masalah-masalah di kalangan umat Islam dalam menjaga keharmonian dan ketelusan dalam beribadah kepada Allah S.W.T.

## Rujukan

### Buku-Buku

Al-Quran

Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri (2007). *al-'Arfu al-Syazi Shar` Sunān al-Tirmīzī*. Jilid ke-3. Beirut, Lubnan: Darul Kitab al-'alamiyyah.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Ke-4. Hulu Kelang, Selangor

Ibrahim al-Bayjūrī (2010). *Hasyiah al-Syeikh Ibrahim Al-Bayjuri*. Jilid ke-4. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Syurq al-Dawliyyah.

Syeikh Mustāfā Dīb al-Bughā (2009). *Terjemahan Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. (cetakan ke-5). Negeri Sembilan, Malaysia

Wahbah al-Zūhaylī. (1989). *al-Fiqh al-Islāmī wā Adillatuh*. (Edisi ke-3). Jilid 3. Damsyik: Dar al-Fikr.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2013). *Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban*. (Cetakan Pertama). Subang Jaya, Selangor

Sheikh Khātib al-Sharbīnī. (1995). *al-'Iqna' fī Hallī 'Alfaz 'Abī Shuja'*. Damasyik: Dar al-Fikr.

Nur al-Din ibn Mukhtar *al-Khādīmī*. (2001). *'Ilmu al-Maqāṣīd al-Shar'iyyāh*. Riyadh: Maktabah al-'Abīkan.

Syeikh Muhammad Arshad ibn `Abdullah (2005). *Sabīl al-Muhtadīn*. Fatani: Mutaba'ah ibn Halabi,  
al-Imam Muhyi al-Dīn `Abī Zakariyā Yahyā ibn Sharf al-Nawawī (2000). *Minhāj al-Talibīn*.  
Beirut, Lubnan: Dar al- Bashāir al-Islamiyah.  
Sheikh al-Islam Shihab al-Dīn Ibn Hajār al-Haytāmī (2001). *Tuhfah al-Muhtāj*. Beirut,  
Lubnan: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah.  
Syeikh 'Ali al-Sabuni (2000) *Terjemahan Tafsir Ayat-Ayat Hukum dalam Al-Quran* (Cetakan Ke-3) Pustaka Al-Azhar, Kuala Lumpur.

### **Temubual**

Ust Ramli Bin Sidom (2016) Bahagian: Bahagian Pengurusan Masjid, Penolong Pengarah, Unit Aduan, Jabatan Agama Islam Selangor

### **Laman Web**

Ustaz Alias Othman (2009) <http://qurban-aqiqah.ikram.org.my/blog/beberapa-isu-mengenai-ibadat-qurban/>

Ustaz Zaharudin (2016) <http://zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/219-zulhijjah-a-idiladha-beberapa-isu-a-hukum.html>

Prof Madya Dr. Azman bin Mohd Noor (2012)  
<http://akademimamsyafie.blogspot.my/2012/10/normal-0-0-false-false-false-en-us-jar.html>

Ustaz Mohd Masri (2010) <https://soaljawab.wordpress.com/author/muwahhidun/>

Ustaz Basit @ Abu Anas Madani (2013) <http://www.abuanasmadani.com>